

## Sektor runcit, borong boleh ambil pekerja asing

**Kuala Lumpur:** Kerajaan menyahbekukan pengambilan pekerja asing bagi sektor peruncitan dan pemborong kerana mengalami kesulitan utama sektor terbabit untuk mendapatkan pekerja, kata Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail.

Bagaimanapun, kata beliau pengambilan jumlah pekerja asing mestilah diimbangkan dengan pengambilan pekerja tempatan.

Beliau berkata demikian kepada media selepas melancarkan Pameran Peruncitan dan Francais Antarabangsa Malaysia 2019 (MIRF 2019) anjuran Rantaian Peruncit Malaysia (MRCA), semalam.

Katanya, kerajaan mem-

“**Sektor borong dan runcit memberi sumbangan besar kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) namun masalah utama sukar untuk mendapatkan pekerja”**

**Saifuddin**

benarkan pengambilan pekerja asing dan pada sama mencari formula bagaimana untuk mengurangkan pekerja asing pada masa depan.

“Sektor borong dan runcit memberi sumbangan besar kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) namun mempunyai masalah utama sukar untuk mendapatkan

pekerja.

“Sebab itu kerajaan menyahbekukan pengambilan pekerja asing yang dibekukan pada 2009.

“Tetapi untuk jangka masa panjang saya mahu mereka mengurangkan kebergantungan kepada pekerja asing dan mereka mesti bersedia,” katanya ketika ditemui Harian Metro.

Terdahulu Presiden MRCA, Datuk Seri Garry Chua berkata, pihaknya menjangka MIRF 2019 akan menjana perolehan lebih tinggi sebanyak RM90 juta berbanding RM80 juta pada tahun lepas.

Pameran yang berlangsung dari 18 hingga 20 Julai, disertai 380 pempamer tempatan dan asing dari pelbagai negara termasuk Taiwan, China, Vietnam dan Singapura.